

01/02/2001

Kuala Lumpur pusat tamadun dunia Melayu

Nik Yahya Abdul Rahman

KEINDAHANNYA begitu terserlah dan tidak perlu diperkenalkan lagi. Itulah bandar raya Kuala Lumpur yang sudah dinobatkan sebagai ibu negara sejak 1957. Kepesatannya umpama arus deras yang tidak mampu dibatas. Ibu kota itu mempunyai sejarah manis dan mahal untuk diingati iaitu perisytiharan kemerdekaan Malaysia oleh Perdana Menteri Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Sementara sejarah pahit yang menyayat hati ialah Peristiwa 13 Mei 1969, apabila Kuala Lumpur dibanjiri darah akibat konflik kaum.

Pembangunan mapan Kuala Lumpur dilaksanakan begitu terancang dan prihatin. Dari semasa ke semasa Kuala Lumpur terus berkembang, kini bandar raya itu dihuni hampir dua juta penduduk yang menikmati pelbagai kemudahan yang dilaksanakan berasaskan Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984.

Bagi melicinkan pelaksanaan pembangunan dalam pelbagai bidang, sebanyak 25 akta, ordinan dan enakmen diguna pakai oleh bandar raya itu, termasuk penguatkuasaan, kebersihan, perumahan, percukaian, hiburan, kewangan dan pengangkutan jalan.

Tanggal 1 Februari, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambut Hari Wilayah ke-27 sempena tarikh perisytiharannya sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan kali ini bertambah meriah apabila satu lagi kawasan pembangunan pintar, Putrajaya, Selangor menjadi keluarga yang ketiga selepas Labuan, Sabah.

Kuala Lumpur yang berasal daripada pekan kecil tempat perlombongan bijih timah, kawasan perbukitan yang ditanami pokok getah dan lembahnya yang subur ditanami sayur-sayuran diisytiharkan sebagai bandar raya pertama 27 tahun lalu berkembang pesat menjadi bandar metropolitan yang merangkumi pusat pentadbiran, perdagangan dan kewangan.

Sejak 1 April 1961, Kuala Lumpur ditadbir Perbadanan Ibukota yang mempunyai kuasa autonomi, termasuk hal ehwal kewangan yang diletakkan di bawah pengawasan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Mengingati tarikh keramat perisytiharannya sebagai Wilayah Persekutuan, seperti diumumkan Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan DBKL, Halijah Othman, pelbagai program selama sebulan sudah diatur DBKL untuk dinikmati warga kota.

Katanya, acara itu bermula dengan majlis tahlil dan kesyukuran pada 31 Januari di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, diikuti Forum Perdana 'Bersyukur Merentasi Nilai Budaya Bangsa'.

Larian Kuala Lumpur dengan kerjasama Olah Raga Amatur Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan yang dijangka disertai 8,000 peserta diadakan untuk kali kedua pada 1 Februari di Dataran Merdeka. Maklumat lanjut mengenai semua program diumumkan dari semasa ke semasa oleh Radio Malaysia Kuala Lumpur dan media massa lain.

Bersempena sambutan itu juga, adik bongsu DBKL, Putrajaya diumumkan buat pertama kali menyertai sambutan Hari Wilayah. Banyak acara menarik disediakan selama dua hari untuk disertai warga kota.

Pengarah Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya, Shamsiah Jamaluddin berkata, antara acara itu ialah persembahan kebudayaan dan bunga api di Padang Sekolah Menengah Putrajaya Satu, bermula jam 9 malam ini.

Menutup sambutan itu, Shamsiah berkata penyanyi popular Siti Nurhaliza dan Kumpulan Raihan turut diundang menghiburkan orang ramai di Tasik Perdana, Putrajaya. Sementara itu, seperti biasa Wilayah Persekutuan

Labuan mengadakan sambutan yang sama dengan pelbagai acara menarik.

Mengimbas kembali DBKL yang ditadbirkan oleh Datuk Bandar yang dilantik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190), Allahyarham Datuk Lokman Yusof sebagai Datuk Bandar pertama (1 Februari 1972 hingga 15 Mei 1972); diikuti Allahyarham Tan Sri Yaacob Abdul Latif (1 Julai 1972 hingga 1 Februari 1983); Datuk Elyas Omar (Tan Sri); pada 1 Februari hingga 17 November 1992, Datuk Dr Mazlan Ahmad (Tan Sri) dan pada 17 November 1992 hingga 14 Disember 1995 dan terkini Tan Sri Kamaruzzaman Shariff.

Mengikut akta yang sama, 12 ahli Lembaga Penasihat juga dilantik Yang di-Pertuan Agong. Sebanyak 14 jawatankuasa dibentuk bagi membantu Datuk Bandar melaksanakan tugasnya membabitkan belanjawan dan kewangan; percukaian, pergurusan penjaja; bencana alam, alam sekitar dan bangunan.

Bagi membangunkan Kuala Lumpur ke arah bandar raya pintar bertaraf dunia, DBKL mempunyai seorang ketua pengarah, dua timbalan ketua pengarah dan 19 pengarah pelbagai jabatan.

Asalnya Kuala Lumpur yang terletak di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang mula dikenali pada tahun 1820-an. Ia bermula apabila Raja Abdullah dan abangnya Raja Jumaat dari Lukut memujuk saudagar Cina Yap Ah Loy melabur dalam perusahaan melombong di kawasan pedalaman Sungai Kelang.

Kira-kira 144 tahun lalu (1857), seramai 87 pelombong Cina bertolak ke kawasan yang sekarang dikenali Kuala Lumpur. Dengan pembangunannya yang agak pesat sebagai pusat perlombongan, perdagangan dan perindustrian menyebabkan penjajah Inggeris memindahkan pusat pentadbiran Selangor dari Kelang ke Kuala Lumpur pada 1880.

Dengan pembangunan pesat itu, ia membuka peluang ekonomi, perdagangan dan pekerjaan kepada penduduk gugusan kepulauan Melayu, di samping negeri China dan India.

Pada 1880, Inggeris menubuhkan Lembaga Kebersihan untuk menguruskan kebersihan, perancangan pembangunan, kemudahan awam (bekalan air paip, elektrik dan jalan raya), di samping lesen perniagaan dan kutipan cukai. Lembaga ini berperanan hingga Perang Dunia Kedua (1941).

Lembaga berkenaan dibubarkan pemerintah Jepun pada 1943, namun Inggeris menghidupkannya semula pada 1946 sebagai Lembaga Bandaran. Pada 1948, Kuala Lumpur dinaikkan taraf sebagai perbandaran dan pada 1952 dinamakan Majlis Perbandaran.

Apabila Akta Ibu Kota 1960 dikuatkuasakan, Kuala Lumpur terus melangkah ke depan dan diletakkan di bawah Suruhanjaya Ibu Kota yang diketuai oleh seorang Pesuruhjaya.

Kuala Lumpur mencipta namanya sebagai Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Februari 1972. Pesuruhjaya Ibu Kota ditukar kepada Datuk Bandar dan Suruhanjaya Ibu Kota dikenali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur yang dulunya dinaungi di bawah pemerintahan Sultan Selangor diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Segala kegiatan pembangunan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan pada 1978. Pada 20 Mei 1987, kementerian itu dimansuhkan dan Datuk Bandar serta pentadbirannya diletakkan terus di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hari ini, Wilayah Persekutuan bertambah menjadi tiga buah apabila Putrajaya dimeterai sebagai wilayah baru. Bandar bestari itu mempunyai pelbagai kemudahan termasuk pusat siber, gedung ilmu, pusat pertumbuhan penduduk yang terancang, sistem pengangkutan canggih, pusat teknologi dan pusat pentadbiran pintar dengan pembangunan terancang yang memperluaskan skop yang diterokai oleh Kuala Lumpur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah arkitek utama Putrajaya yang mengumumkan Kuala Lumpur adalah pusat perdagangan dan

Putrajaya pula pusat pentadbiran kerajaan.

Kuala Lumpur kini semakin mudah dihubungi kerana banyak jalan raya utama sudah dinaikkan taraf dan jalan raya baru dibina. Antara yang terbaru ialah Lingkaran Tengah, Lebuhraya Lembah Kelang Baru (NKVE), Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), di samping Lebuhraya Persekutuan.

Bagi menghadapi kepesatan penduduknya yang sentiasa bertambah, sistem aliran ringan (LRT) diwujudkan dan sistem kereta api jarak dekat (komuter) disediakan. Sementara, mereka yang berada jauh dari ibu kota itu, Lapangan Terbang Subang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang sentiasa terbuka kepada sesiapa.

Daya tarikan lain yang ada di Kuala Lumpur ialah pusat pameran terbesar di The Mines Resort dan Sunway Pyramid, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Masjid Wilayah Persekutuan Jalan Duta yang cantik dan luas, bangunan pintar Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang tertinggi di dunia, Menara Kuala Lumpur Bukit Nanas, pusat beli-belah yang mencukupi, pusat rekreasi dan riadah yang banyak, tempat bersejarah dan menarik yang banyak untuk dikunjungi, pusat penginapan yang pelbagai taraf, tempat hiburan dan bersantai yang sesuai serta institusi kewangan yang sedia berkhidmat kepada pelanggan dari dalam dan luar negara.

Pendek kata, segala-galanya ada di Kuala Lumpur. Sebagai rakyat negara ini, kita berbangga dengan usaha kerajaan menjadikan Kuala Lumpur bandar raya dalam taman yang indah dan serba lengkap. Tidak keterlaluan kalau dikatakan ibu kota itu sudah cukup untuk kita jadikan destinasi pelancongan domestik bersama keluarga. Dengan kepesatan pembangunannya, penduduk yang pelbagai dan banyak bangunan pencakar langit, Kuala Lumpur berjaya meletakkan dirinya setaraf bandar raya canggih dunia lain termasuk New York, Tokyo, Paris dan Sydney.

Kita yakin Kuala Lumpur terus maju dengan pelbagai pembangunan berasaskan sembilan objektif DBKL meliputi kesihatan, kebersihan, keindahan, perumahan dan perlindungan, keselamatan, pengangkutan dan perniagaan yang holistik.

Cogan kata Kuala Lumpur 'Maju dan Makmur' pula, akan menjadikan kota metropolitan itu pusat ketamadunan Melayu di rantau ini.

(END)